



Terbit pada Sabtu  
minggu pertama setiap bulan

# Berita Sawit

MPOB Menjanta Perubahan Industri Sawit

# BH

Berita Harian



**Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak bersama isteri, Datin Seri Rosmah Mansor; Dato Sri Douglas Uggah Embas dan Tan Sri Alfred Jabu (kiri) memotong kek sempena perasmian Perayaan Hari Gawai Dayak 2013 di Betong, Sarawak.**

## MPOB turut meriahkan sambutan Gawai 2013

**» Pelbagai produk berasas sawit dipamer kepada pengunjung**

Oleh **Che Johari Mamat**  
mjohari@mpob.gov.my

■ **Betong**

**M**POB yang turut menyertai perayaan menyambut Gawai Dayak 2013 bersama Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) telah mempamerkan produk berasas sawit hasil penyelidikan dan pembangunan (P&P) bagi didehkan kepada orang ramai dan usahawan yang berminat untuk mengkomersialkannya.

Antara produk sawit hasil penyelidikan yang dipamerkan adalah produk pencuci, lilin, kosmetik, poliol, biodiesel dan produk makanan seperti majerin, ais krim dan biskut rendah lemak.

Teknologi dan inovasi bagi menghasilkan produk-produk ini sudah tersedia dan terbuka untuk dipindahkan kepada usahawan terutama kepada industri kecil dan sederhana (IKS) yang berminat bagi menjalankan pengkomersialan.

Pelancaran Perayaan Gawai Dayak 2013 itu telah di sempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak di Rumah Panjang Wilson anak Bakir, Penom, Ulu Paku, Betong, Sarawak.

### **Penduduk sambut PM**

Walaupun rumah panjang ini terletak di kawasan pedalaman, kira-kira 3,000 orang ramai dan penduduk sekitar Penom, Bukit Saban, Ulu Paku dan Saratok hadir menyambut pemimpin nombor satu negara itu.

Turut hadir isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor; Timbalan Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Alfred Jabu; Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Dato Sri Douglas Uggah Embas dan Timbalannya, Dato' Noriah Kas-

non serta Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May.

Selain MPOB, agensi di bawah MPIC iaitu Lembaga Getah Malaysia (LGM), Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB), Lembaga Koko Malaysia (LKM), Lembaga Kenaf dan Tembaku Negara (LKTN) dan Lembaga Lada Malaysia (LLM) turut sama menyertai dengan mempamerkan produk-produk berkaitan komoditi masing-masing.

Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Dato' Noriah Kasnon yang turut melawat gerai pameran MPOB berkata pameran seperti ini memberi peluang kepada orang ramai terutama penduduk pedalaman mengetahui dan melihat sendiri produk dan kegunaan minyak sawit dan komoditi berkaitan.

Kira-kira 2,500 pengunjung singgah di gerai pameran MPOB mendapatkan maklumat-maklumat berkaitan komoditi sawit dan pada masa sama menikmati ais krim dan roti bakar sapuan majerin sawit yang disediakan secara percuma.

The Palm Oil event of the year is back!

The Malaysian Palm Oil Board is organising

**PIPOC 2013**  
INTERNATIONAL PALM OIL CONGRESS

**19 - 21 November 2013**  
Kuala Lumpur Convention Centre,  
Kuala Lumpur, Malaysia.

For more information, please e-mail:  
pipoc2013@mpob.gov.my



**H**arga minyak sawit seperti lain-lain komoditi, pada asasnya adalah ditentukan oleh faktor bekalan dan permintaan. Sekiranya bekalan melebihi permintaan, harga akan turun dan sebaliknya. Dalam lain perkataan, kuasa pasaran yang menentukan harga. Oleh kerana pasaran untuk minyak sayuran adalah besar, maka adalah tidak mudah untuk pasaran dan harga dikawal oleh mana-mana pihak.

Walau bagaimanapun bagi Malaysia, beberapa usaha jangka pendek dan jangka panjang telah dirancang dan dilaksanakan untuk meningkatkan permintaan serta mengurangkan stok bekalan minyak sawit bagi memperkukuhkan harga minyak sawit.

Usaha pertama ialah penggunaan minyak sawit bagi pengeluaran biobahan api, terutamanya biodiesel sawit. Penggunaan minyak sawit untuk penghasilan biodiesel akan menambah permintaan minyak sawit serta mengurangkan stok. Dengan ini, harga minyak sawit akan dapat diperkukuhkan. Program biodiesel telah dilaksanakan di semua stesen minyak di Putrajaya, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Melaka dan Negeri Sembilan di mana semua diesel petroleum yang dibekalkan mengandungi 5% biodiesel sawit. Program yang dilaksanakan secara berperingkat ini akan diperluaskan seterusnya di Johor pada Julai 2013. Penggunaan adunan biodiesel sawit dalam semua bekalan diesel petroleum seluruh negara adalah dijangka dapat dilaksanakan menjelang Julai 2014. Pada masa yang sama, usaha sedang dijalankan untuk meningkatkan nisbah adunan melebihi 5% ke arah 10% iaitu B10.

Penggunaan minyak sawit bagi biodiesel diharap dapat menentukan 'floor price' atau 'harga lantai' minyak sawit apabila harga menurun. Sekiranya harganya jatuh di bawah paras harga minyak fosil seperti diesel petroleum, ramai pengguna akan meningkatkan penggunaan biodiesel sawit dan permintaan tambahan ini akan dapat meningkatkan semula harga minyak sawit ke paras yang setanding dengan diesel petroleum. Walau bagaimanapun, ini adalah berdasarkan andaian bahawa pengguna-pengguna tidak mempunyai isu penukaran daripada diesel petroleum kepada biobahan api. Pada hakikatnya, ini memerlukan masa untuk penyesuaian dan oleh yang demikian, MPOB telah memperkenalkan Skim Insentif Biodiesel Sawit (SIBS), iaitu skim sukarela di mana pihak industri yang menggunakan biodiesel sawit diberikan insentif sebanyak RM300 setan biodiesel sawit. Ini akan menjadikan harga biodiesel lebih murah daripada diesel petroleum dan mendorong syarikat-syarikat menggunakan biodiesel sawit untuk loji, dandang, dan lain-lain jentera di kilang masing-masing. Setelah pengguna membiasakan diri dengan penggunaan biodiesel sawit, maka mereka akan lebih yakin untuk menggunakan biodiesel sawit pada masa hadapan apabila harga minyak sawit turun mendadak ke paras di bawah harga minyak fosil. Sebanyak RM 3 juta telah diperuntukkan untuk skim ini. Skim ini dibuka sehingga 30 September 2013 atau sehingga peruntukan habis digunakan, yang mana lebih awal.

Di samping melaksanakan penggunaan biodiesel sawit di dalam negara, usaha juga dijalankan untuk meningkatkan eksport biodiesel sawit. Pengeluar biodiesel sekarang mendapat peluang meningkatkan eksport biodiesel sawit ke Kesatuan Eropah (EU) ekoran tindakan EU mengenakan duti 'anti dumping' ke atas biodiesel dari Indonesia dan Argentina.

Satu lagi usaha untuk memperkukuhkan harga ialah untuk menggalakkan tanaman semula pokok-pokok sawit tua. Sebanyak RM100 juta telah diperuntukkan bagi Skim Insentif Tanam Semula (SITS) di mana insentif sebanyak RM1,000 sehektar diberikan bagi menggalakkan penanaman semula pokok sawit tua dan tidak produktif. Permohonan dibuka sehingga 30 September 2013 atas prinsip first-come, first-serve. Ini adalah usaha jangka masa pendek bagi mengurangkan bekalan minyak sawit, tetapi dalam jangka masa panjang, pokok yang ditanam semula akan berbuah dalam masa tiga tahun dengan hasil yang lebih tinggi. Oleh yang demikian, usaha berterusan mesti dilakukan bagi meningkatkan permintaan sawit, iaitu dengan memperluaskan pasaran-pasaran serta menambahkan jenis-jenis kegunaan baru minyak sawit melalui penyelidikan dan pembangunan.

Dalam masa terdekat ini, permintaan sawit akan meningkat menjelang bulan Ramadhan / Syawal.

Selamat menunaikan ibadah puasa.



**MINDA**  
Datuk Dr Choo  
Yuen May

**Ketua Pengarah  
MPOB**



**Dato Sri Douglas Uggah Embas semasa berucap sempena Perhimpunan Bulanan MPIC di Putrajaya, baru-baru ini**

# Malaysia jadi pusat kecemerlangan komoditi

» *MPIC, agensi kena teliti impak pelaksanaan program pembangunan*

**Oleh Che Johari Mamat**  
johari@mpob.gov.my

Putrajaya

**K**ementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) akan memastikan Malaysia menjadi pusat kecemerlangan (centre of excellence) bagi sektor komoditi dan sebagai pengeluar utama produk berasaskan komoditi yang mempunyai nilai tambah yang tinggi di pasaran global.

Sehubungan dengan itu, MPIC dan agensi perlu meneliti impak pelaksanaan program pembangunan agar ia benar-benar memberi manfaat kepada golongan sasaran sektor komoditi yang meliputi sawit, getah, kayu-kayan, koko, lada dan kenaf.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Dato Sri Douglas Uggah Embas berkata demikian semasa berucap di Majlis Perhimpunan Bulanan kali pertamanya bersama warga kementerian, agensi dan majlis di bawah MPIC sejak memegang jawatan Menteri.

Dato Sri Douglas Uggah Embas berkata adalah menjadi tanggungjawab kita semua untuk me-

laksanakan dasar dan program yang dirancang dengan sebaik mungkin agar cita-cita untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan komoditi dapat direalisasikan.

Katanya, kita telah pun berada di pertengahan tahun 2013. Oleh itu, tahun 2020 sudah semakin menghampiri kita, iaitu lebih kurang 6 tahun sahaja lagi.

"Tempoh tersebut amatlah singkat dan kritikal bagi kita untuk memastikan sektor perladangan dan komoditi terus maju, berdaya saing dan menyumbang kepada pencapaian matlamat Dasar Transformasi Negara."

## 4 pelan utama

"Dasar itu yang ditunjangi oleh 4 pelan utama, iaitu Program Transformasi Kerajaan (GTP), Program Transformasi Ekonomi (ETP), Program Transformasi Politik (PTP) dan Program Transformasi Sosial (PTS), adalah saling lengkap-melengkapi di antara satu sama lain."

"Pelan yang komprehensif dan inklusif ini adalah resepi terbaik untuk kita mencapai tahap negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020," katanya.

Dato Sri Douglas Uggah Embas yakin dengan pelbagai inisiatif yang diperkenalkan oleh Kementerian, sektor komoditi akan terus kekal menjadi salah satu tonggak utama ekonomi negara pada tahun-tahun mendatang.

## Langkah proaktif

Kementerian telahpun mengambil langkah proaktif bagi memperkukuhkan harga komoditi,

termasuk pengstrukturkan semula kadar duti eksport minyak sawit mentah, meningkatkan program biobahan api dari B5 (adunan 5% biobahan api sawit dengan 95% diesel petroleum) ke B10, insentif tanaman semula dan inisiatif bekerjasama dengan negara pengeluar utama lain.

Saya percaya, usaha ini akan berupaya diterjemahkan kepada paras harga komoditi yang lebih kukuh dan memanfaatkan industri, pengusaha terutamanya pekebun kecil di luar bandar.

Beliau berkata, di era globalisasi ini, sektor komoditi berhadapan dengan pelbagai cabaran dan tohmahan oleh pihak yang mempunyai agenda tersendiri yang membangkitkan isu keselamatan, pemeliharaan alam sekitar dan hidupan liar.

Namun, saya yakin dengan usaha kementerian dan semua yang terlibat, kita mampu menangani hal-hal dan karenah para pesaing kita.

"Pada tahun lepas, kita berjaya menangani isu pelabelan minyak sawit di Australia dan isu Nutella Tax di Perancis."

"Usaha-usaha seperti ini akan diteruskan dan ditingkatkan bagi memastikan kepentingan industri komoditi tidak terjejas dan kekal berdaya saing di pasaran dunia," katanya.

Perhimpunan Bulanan MPIC itu turut dihadiri oleh Timbalannya, Dato' Noriah Kasnon, Ketua Setiausaha MPIC, Datin Paduka Nurmala Abdul Rahim, Timbalan Timbalan Ketua Setiausaha, Ketua-ketua Pengarah Agensi dan Ketua-ketua Pegawai Eksekutif Majlis di bawah MPIC.



# Dato Sri Douglas Uggah Embas rasmi POTS Myanmar 2013

» Seminar buka peluang teroka perniagaan produk minyak sawit

Oleh Nik Aznizan Nik Ibrahim  
aznizan@mpob.gov.my

Yangon

**M**enteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Dato Sri Douglas Uggah Embas merasmikan Pameran Perdagangan dan Seminar Minyak Sawit (POTS) Myanmar 2013 yang berlangsung pada 28 Jun 2013.

Tema 'Minyak Sawit Malaysia: Mewujudkan Peluang, Memaksimumkan Keuntungan' telah dipilih. Seminar ini dihadiri oleh seramai 250 peserta yang terdiri daripada wakil industri minyak sawit Malaysia dan industri minyak dan lemak Myanmar. Ianya membuka peluang untuk bertukar pandangan dan meneroka prospek perniagaan berkaitan aplikasi minyak sawit dalam produk makanan dan bukan makanan di antara usahawan dua negara.

Turut hadir, Timbalan Menteri



Dato Sri Douglas Uggah Embas menyampaikan ucapan dan merasmikan POTS Myanmar 2013.

Pembinaan Myanmar, Dr U Win Myint dan Duta Besar Malaysia ke Myanmar, Dr Ahmad Faisal Muhammad.

#### Jumlah eksport meningkat

Pada tahun lepas, jumlah eksport produk sawit Malaysia ke Myanmar meningkat sebanyak 26.5 peratus kepada RM1.1 bilion daripada RM869.27 juta berbanding tahun 2011.

POTS Myanmar 2013 ini dianjurkan bersama MPOC dan MPOB turut disokong oleh Union of Myanmar Federation of Chambers of Commerce and Industry dan Malaysian Myanmar Business Council.

Sebanyak sebelas kertas kerja dibentangkan pada POTS Myanmar kali ini yang merangkumi pelbagai aspek industri minyak sawit. Antaranya pembangunan

pasaran, penentuan harga minyak sawit mentah, cabaran industri minyak dan lemak Myanmar dan prospek masa depan minyak sawit di negara tersebut.

Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May, turut membentangkan kertas kerja mengenai pemrosesan minyak sawit serta kegunaannya dalam sektor makanan dan bukan makanan yang meliputi industri oleokimia,

biojisim dan biobahan api.

Beliau turut berkongsi mengenai aspek-aspek pemakanan minyak sawit. "Bukti telah diperolehi untuk mencadangkan bahawa diet minyak sawit mengurangkan parameter risiko penyakit kardiovaskular. Komposisi asid lemaknya yang unik, menjadikan minyak sawit berkhasiat dan berfungsi dalam pelbagai aplikasi makanan," simpul beliau.

Pameran perdagangan juga turut dianjurkan yang berlangsung serentak. Antara syarikat yang menyertai pameran ini ialah Felda Global Ventures Holdings Sdn Bhd, Sime Darby Plantation Sdn Bhd, Oiltek Sdn Bhd, Lipico and Grand Wynn Group of Companies Myanmar.

Pada sebelah malamnya, Dato Sri Douglas menyampaikan ucapan aluan di majlis makan malam yang disusuli dengan forum bertajuk "Gaya Hidup Sihat Bersama Produk Sawit". Dua kertas kerja telah dibentangkan iaitu kajian ke atas manusia mengenai kesan neuroprotective tokotrienol dari minyak sawit dan minyak sawit sebagai pilihan yang sihat. Seramai 200 orang doktor perubatan telah menghadiri forum ini.

Lawatan kerja ini berjaya mencapai objektifnya untuk memupuk hubungan dan kerjasama dua hala dalam sektor komoditi khususnya industri sawit dan getah. Hubungan perdagangan dua hala antara dua negara yang wujud sejak lama dulu menunjukkan pertumbuhan positif kebelakangan ini dan dijangka menjadi lebih baik dengan dasar terbuka ekonomi Myanmar serta peningkatan minat pengeksport dan pelabur Malaysia terhadap Myanmar.

## Peluang tingkat dagangan minyak sawit di Myanmar

Oleh Nik Aznizan Nik Ibrahim  
aznizan@mpob.gov.my

**Yangon:** Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Dato Sri Douglas Uggah Embas telah mengetuai lawatan kerja promosi minyak sawit dan getah ke Myanmar dari 27 hingga 30 Jun. Ini merupakan lawatan kerja ke luar negeri sulung beliau sejak dilantik memegang portfolio sebagai Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi pada bulan Mei 2013 yang lalu.

Lawatan ini turut disertai oleh pegawai-pegawai kementerian, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) dan Majlis Promosi Eksport Getah Malaysia (MREPC). Wakil-wakil dari sektor swasta juga turut serta di dalam lawatan kerja ini.

Antara objektif lawatan ini adalah untuk meningkatkan perdagangan dua hala dalam produk minyak sawit dan getah di antara

Malaysia dengan Myanmar serta mengukuhkan hubungan perniagaan di antara sektor swasta Malaysia dengan sektor swasta Myanmar.

Semasa lawatan kerja ini berlangsung, Dato Sri Douglas mengadakan kunjungan hormat ke atas Ketua Menteri Wilayah Yangon, U Myint Swe.

#### Kerjasama dengan Malaysia

Pada pertemuan ini, Ketua Menteri menyampaikan hasrat kerajaannya untuk bekerjasama dengan Malaysia dalam membangunkan industri hulu dan hiliran minyak sawit serta penanaman getah di Myanmar.

"Pada umumnya, kawasan selatan lebih sesuai bagi penanaman sawit. Wilayah tengah dan kawasan-kawasan lain tidak sesuai bagi aktiviti peladangan sawit kerana agak kering. Jadi, getah lebih sesuai di kawasan-kawasan ini" katanya.

Dato Sri Douglas juga mengadakan sesi perbincangan bersa-

ma wakil-wakil dari Malaysian Myanmar Business Council (MMBC) mengenai peluang perdagangan dalam kedua-dua komoditi di Myanmar. MMBC akan terus bekerjasama dan menyokong pihak berkuasa Malaysia dan Myanmar untuk membangunkan perdagangan, industri, pelaburan dan aktiviti ekonomi yang saling menguntungkan kedua-dua negara.

Secara keseluruhannya, lawatan kerja ini telah berjaya mencapai objektifnya untuk memupuk hubungan dan kerjasama dua hala di dalam sektor komoditi khususnya industri sawit dan getah.

Hubungan perdagangan dua hala antara Malaysia dengan Myanmar wujud sejak beberapa abad yang lalu di mana kedua-dua negara terletak di laluan perdagangan antara India dan China. Hubungan perdagangan ini telah dieratkan lagi dengan persamaan kebudayaan di antara Myanmar dengan negeri-negeri utara Malaysia seperti Pulau Pinang.

#### Perkukuh hubungan dagang

Ciri-ciri ini secara tidak langsung telah mengukuhkan hubungan perdagangan dan pelaburan an-



Dato Sri Douglas Uggah Embas membincangkan bentuk kerjasama dalam bidang komoditi yang boleh dijalin antara kedua-dua negara bersama Ketua Menteri Wilayah Yangon, U Myint Swe.

tara kedua-dua negara ini.

Perdagangan antara kedua-dua negara telah menunjukkan pertumbuhan yang positif sejak beberapa tahun kebelakangan ini dan dijangka menjadi lebih baik dengan dasar terbuka ekonomi Myanmar serta peningkatan mi-

nat pengeksport dan pelabur Malaysia terhadap Myanmar. Hubungan dua hala antara kedua-dua negara menjadi lebih kukuh dan bersejarah dengan lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak ke Myanmar pada 28 hingga 29 Mac 2012.



# Eksport produk sawit ke Vietnam meningkat

» *Malaysia tampung 54 peratus permintaan minyak makan, lemak Vietnam*

Oleh Subashini Nadras  
subashini@mpob.gov.my

Ho Chi Minh

**M**enteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Dato Sri Douglas Uggah Embas merasmikan Seminar Perdagangan dan Pameran Minyak Sawit (POTS) Vietnam 2013 yang berlangsung pada 1 Julai 2013 baru ini. POTS Vietnam dianjurkan bersama oleh MPOB dan MPOC.

Seminar ini telah disertai oleh

200 peserta yang terdiri daripada pengusaha minyak dan lemak Vietnam dan juga Malaysia. POTS Vietnam yang bertemakan 'Minyak Sawit Malaysia - Perkongsian Penyelesaian, Pembentukan Visi', telah memberikan cadangan, penyelesaian dan analisis trend serta berkongsi peluang dalam perdagangan minyak sawit.

Turut hadir ke majlis perasmian adalah Duta Besar Malaysia ke Vietnam, Dato' Azmil Zabidi dan Naib Pengerusi Jawatankuasa Rakyat Bandar Ho Chi Minh, Madam Nguyen Thi Hong.

## Peluang teroka dagangan

Semasa ucapan perasmian, Dato Sri Douglas menyatakan Malaysia telah menampung 54 peratus permintaan minyak makan dan lemak Vietnam dan POTS Vietnam ini adalah peluang terbaik bagi usahawan kedua-dua negara untuk meninjau dan meneroka peluang dagangan dalam komoditi ini.



Dato Sri Douglas Uggah Embas memukul gong sebagai tanda perasmian POTS Vietnam 2013.

"Dengan pembangunan ekonomi dan taraf hidup yang baik, Vietnam telah dianggap sebagai pasaran yang berpotensi untuk komoditi ini. Pameran berkaitan produk minyak sawit juga turut diadakan," katanya.

## Dagangan meningkat AS\$7.9 bilion

Madam Nguyen Thi Hong pula telah memuji hubungan perdagangan kedua-dua negara yang

meningkat dan menyatakan bahawa ini adalah tahun ke-40 hubungan diplomatik antara Malaysia dan Vietnam.

"Perdagangan dua hala meningkat daripada AS\$4.7 juta pada tahun 2007 kepada AS\$7.9 bilion pada tahun lepas," katanya.

Sembilan kertas kerja dibentangkan sepanjang POTS Vietnam 2013 berkaitan kelestarian

minyak sawit, aplikasi dalam produk makanan dan bukan makanan, panduan perdagangan dan prospek harga minyak sawit Malaysia pada tahun 2013.

Penceramah yang terdiri dari ketua industri tempatan dan pakar dari Malaysia, Britain dan Jerman telah membentangkan kertas kerja pada seminar berkenaan.

# 3,000 sertai program Hello Komoditi MPIC

Oleh Che Johari Mamat  
mjohari@mpob.gov.my

Sungai Besar

**L**ebih 3,000 orang ramai terutama masyarakat tempatan sekitar Sungai Besar, Sungai Panjang dan Sekinchan di Selangor menyertai program Hello Komoditi anjuran Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) yang berlangsung di D' Muara Marine Park, Sungai Hj Dorani, Sungai Besar, Selangor.

Program yang turut disertai oleh semua agensi di bawah MPIC itu dirasmikan Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Dato' Noriah Kasnon.

Turut hadir Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan) MPOB, Ahmad Sidek Stroo; mewakili Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May; Timbalan Ketua Setiausaha MPIC, Mohd Sanuri Shahid; Ketua Pengarah dan wakil

dari setiap agensi serta pegawai-pegawai kanan MPIC dan agensi.

Dato' Noriah semasa berucap merasmikan program itu berkata, aktiviti yang dirancang khas itu bagi mendedahkan komoditi utama negara yang berupaya menjana pendapatan dan meningkatkan taraf hidup penduduk di kawasan Sungai Besar dan sekitar.

"Sungai Besar adalah kawasan pertanian yang sejak dulu lagi terkenal dengan tanaman koko dan kelapa sawit selain dari sawah padi.

"Satu ketika dulu, tanaman koko merupakan tanaman utama penduduk tempatan. Bapa dan keluarganya yang juga berasal dari sini turut mengusahakan tanaman koko sebagai sumber pendapatan keluarga," katanya.

Beliau menggesa orang ramai yang hadir pada hari itu supaya mengambil peluang mendapat maklumat dan berbincang dengan pegawai agensi yang turut turun padang mengadakan pa-



Dato' Noriah berucap merasmikan Program Hello Komoditi sempena Majlis Mesra Rakyat di Sungai Besar, Selangor. Turut kelihatan, Timbalan KSU, MPIC, Mohd Sanuri Shahid (duduk tiga dari kanan) dan Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan) MPOB, Ahmad Sidek Stroo (kanan) mewakili Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May.

meran berkaitan komoditi terutamanya sawit, koko, getah, lada, kenaf dan kayu-kayan.

"Agensi ini juga menjalankan penyelidikan dan pembangunan dan menghasilkan berbagai teknologi dan produk yang boleh dimanfaatkan.

"Produk seperti coklat berasas koko, ais krim sawit, cendol sawit,

kosmetik, lilin dan pencuci berasas sawit serta produk dari kenaf, lada, getah dan kayu kayan bersedia untuk dipindahkan kepada usahawan berminat untuk dikomersialkan," katanya.

Beliau juga menggesa penduduk tempatan yang mempunyai tanah kosong dan terbiar supaya berbincang dengan agensi seperti

MPOB, LGM, LKM, LKTN dan MPB untuk mendapat bantuan bahan tanaman dan input pertanian.

"Agensi ini bukan saja memberi bantuan bahan tanaman dan input pertanian tetapi juga turut menyediakan khidmat nasihat cara-cara menanam dan selepas penanaman," katanya.



# 26 teknologi, perkhidmatan baru untuk komersial

» Produk ditawarkan sedia dipindah kepada usahawan berminat

Oleh Che Johari Mamat  
mjohari@mpob.gov.my

► Bangi

Sejumlah 16 teknologi baru dan 10 perkhidmatan berkaitan teknologi ditawarkan untuk pengkomersialan sempena Seminar Pemindahan Teknologi (TOT) MPOB 2013 yang diadakan di Ibu Pejabat MPOB di sini baru baru ini.

Semua teknologi dan perkhidmatan yang ditawarkan itu sedia untuk dipindahkan kepada usahawan termasuk industri kecil dan sederhana (IKS) atau industri lain yang berminat untuk menggunakan dan mengkomersialkan secara skala besar di pasaran.

MPOB membangunkan teknologi dan perkhidmatan berasas minyak sawit melalui penyelidikan dan pembangunan (R&D) dengan tiga strategi utama iaitu untuk meningkatkan produktiviti dan pendapatan, menghasilkan buangan sifar dan menjana pendapatan melalui produk tambahan nilai.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Dato Sri Douglas Uggah Embas berkata demikian semasa berucap merasmikan

Seminar TOT 2013. Beliau diwakili oleh Ketua Setiausaha, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), Datin Paduka Nurmalia Abdul Rahim.

Beliau berkata, strategi R&D yang dilaksanakan oleh MPOB adalah selaras dengan keperluan industri sawit dan pada masa yang sama berupaya mencapai sasaran di bawah Program Transformasi Ekonomi bagi memastikan pertumbuhan industri secara mampan dan menjana pendapatan tinggi.

Dato Sri Douglas menggesa usahawan dan syarikat-syarikat terutama IKS yang mempunyai modal pelaburan kurang dari RM25 juta merebut peluang dan berbincang dengan MPOB bagi mengkomersialkan teknologi dan

inovasi baru yang tersedia itu.

## Jentera tuai sawit

"Antaranya, teknologi dan inovasi jentera perladangan bagi mengangkut dan menuai buah sawit, produk makanan haiwan, produk-produk makanan dan formulasi oleokimia bagi menghasilkan produk pencuci, kosmetik, sabun, poliol dan lilin berasas sawit sedia ditawarkan untuk pengkomersialan," katanya.

Sehingga kini, sejumlah 543 teknologi dan 150 perkhidmatan berkaitan teknologi untuk industri minyak sawit telah dibangunkan oleh MPOB. 30 peratus dari jumlah itu telah berjaya dikomersialkan.

Beliau berkata, nilai eksport minyak sawit Malaysia dijangka men-

catkan kenaikan tahun ini berbanding RM73.26 bilion tahun 2012.

"Namun nilai tersebut bergantung kepada reaksi pasaran dan harga minyak sawit yang dijangka pulih berikutan permintaan yang tinggi.

"Industri minyak sawit adalah penyumbang utama kepada Pendapatan Kasar Negara (GNI). Malaysia dan Indonesia adalah dua pengeluar utama minyak sawit dunia menyumbang sebanyak 85 peratus pengeluaran minyak sawit dunia," katanya.

"Tahun 2012, Malaysia mengeksport 18.79 juta tan minyak sawit dan 85 peratus daripadanya diekspor keluar negara. Ini adalah 10 peratus daripada 185.2 juta tan minyak dan lemak dihasilkan di seluruh dunia," katanya.



Datin Paduka Nurmalia Abdul Rahim melancarkan Seminar Pemindahan Teknologi (TOT) MPOB 2013, Turut kelihatan Dato Sri Douglas Uggah Embas dan Datin Paduka Nurmalia Abdul Rahim (kanan).

## Lebih 250 organisasi bakal sertai MICCOS 2013

Oleh Amisham Ismail  
amisham@mpic.gov.my

► Putrajaya

Lebih 250 organisasi yang terdiri daripada agensi kerajaan, institusi pengajian tinggi awam dan swasta, syarikat swasta, institusi kewangan, pihak industri komoditi dan syarikat dari luar negara dijangka akan menyertai Pameran dan Persidangan Antarabangsa Komoditi Malaysia (MICCOS) 2013.

MICCOS 2013 merupakan pameran komoditi terbesar di Malaysia anjuran Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) yang diadakan secara dwi tahunan. Ianya mula diperkenalkan sejak 2005 dan komoditi utama yang dipamerkan adalah sawit, getah, kayu-kayuan, koko, lada dan kenaf.

Ketua Setiausaha MPIC, Datin Paduka Nurmalia Abdul Rahim, berkata MICCOS 2013 akan berlangsung mulai 24 hingga 27 Oktober 2013 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), Selangor dan dijangka akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak pada hari Sabtu, 26 Oktober 2013.

"MICCOS 2013 adalah MICCOS kali ke-5 anjuran MPIC dan ber-



Datin Paduka Nurmalia Abdul Rahim melaksanakan Pra Pelancaran MICCOS 2013 sempena Seminar Pemindahan Teknologi (TOT) MPOB 2013 di Ibu Pejabat MPOB. Turut kelihatan Timbalan Ketua Setiausaha MPIC, Mohd Sanuri Shahid (enam dari kanan), Pengerusi MPOC, Tan Dato Yeow Chor (kanan) dan Ketua Pengarah MPOB, Datin Paduka Nurmalia Abdul Rahim (empat dari kiri)

temakan 'Komoditi Mampan Menjamin Masa Depan' selaras dengan sumbangan penting komoditi dalam menjana pendapatan eksport negara, meningkatkan taraf sosio-ekonomi penduduk dan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan untuk rakyat jelata," katanya.

## Transformasi industri komoditi

Beliau berkata, MPIC yang bertanggungjawab ke atas pembangunan sektor komoditi utama ini melancarkan Dasar Komoditi Negara (DKN) bagi meneruskan transformasi industri komoditi

dan pada masa yang sama mendokong hasrat kerajaan bagi mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Selain itu, MPIC terus berusaha meningkatkan daya saing komoditi melalui peningkatan produktiviti di peringkat hulu dan hiliran melalui penghasilan produk bernilai tambah tinggi secara mampan selaras permintaan pengguna dengan tidak merosakkan alam sekitar dan hidupan liar.

Datin Paduka Nurmalia berkata, menyedari kepentingan sumbangan industri ini, komoditi sa-

wit dan getah telah dijadikan antara Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) di bawah Program Transformasi Ekonomi Negara (ETP). Sebanyak 12 Projek Permulaan (EPP) diperkenalkan bagi memacu industri komoditi berkenaan ke tahap lebih tinggi.

## Inovasi teknologi terkini

Katanya, MICCOS 2013 akan menonjolkan transformasi di sektor komoditi dan akan turut mewarwarkan peranan MPIC dan agensi di bawahnya yang melaksanakan aktiviti penyelidikan dan pembangunan bagi meningkatkan ke-

majuan dan daya saing setiap komoditi melalui penyebaran maklumat dan penemuan-penemuan penyelidikan terkini.

Beliau memaklumkan perkara tersebut semasa menyempurnakan Majlis Pra Pelancaran MICCOS 2013 pada 20 Jun 2013 di MPOB, Bangi mewakili Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Dato Sri Douglas Uggah Embas.

"MICCOS 2013 juga turut memberi peluang kepada MPIC dan agensi untuk bertemu dengan pelanggan dan pihak berkepentingan (stakeholders).

"Pameran dan persidangan yang diadakan bermanfaat kepada pekebun kecil, penggiat industri, penuntut universiti dan pelajar sekolah untuk melihat sendiri pencapaian inovasi terkini di setiap sektor industri komoditi," katanya.

Datin Paduka Nurmalia turut menjelaskan terdapatnya lebih 200 gerai usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) meliputi produk komoditi seperti makanan, perabot, kraftangan, input pertanian, herba, kosmetik dan buah-buahan akan turut dipamer dan dijual.

"Usahawan PKS berpeluang mempromosikan produknya melalui gerai jualan dan mengambil kesempatan menjadikan MICCOS 2013 sebagai batu loncatan untuk memasarkan produk keluaran syarikat mereka ke peringkat lebih jauh lagi."



# Koperasi sebagai institusi peningkatan pendapatan pekebun kecil

» Penubuhan KPSM pastikan pekebun kecil sawit keluarkan hasil secara mampan, keperluan semasa

Oleh Nazirah Che Jaafar  
nazirah@mprob.gov.my

Koperasi ditakrifkan sebagai suatu pertubuhan orang berautonomi, bersatu secara sukarela untuk memenuhi aspirasi ekonomi, sosial dan budaya yang sama melalui suatu perusahaan milik bersama dan dikawal secara demokrasi serta berdaftar di bawah Akta Koperasi 1993.

Koperasi telah wujud sejak tahun 1920-an dan tujuan utama penubuhan koperasi pada peringkat awalnya adalah untuk menangan masalah hutang di kalangan petani, pekerja pejabat dan kilang.

Kini, aktiviti koperasi telah berkembang meliputi sektor perbankan, perladangan, pertanian, pengangkutan, pembinaan dan lain-lain. Walau bagaimanapun tujuan asal koperasi masih tidak berubah iaitu untuk menyatukan sumber-sumber seperti modal, buah fikiran dan tenaga di kalangan ahli bagi meningkatkan taraf serta kualiti hidup ahli dan masyarakat keseluruhan.

Sehingga Disember 2011, jumlah koperasi berdaftar dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) adalah sebanyak 9,074. Koperasi bagi fungsi pengguna merupakan bilangan tertinggi (47 peratus), diikuti fungsi pertanian (18 peratus) dan fungsi perkhidmatan (17 peratus).

Koperasi Pekebun Kecil Daerah Batu Pahat Berhad (KOPDAP) merupakan koperasi pekebun kecil terbaik yang menduduki kedudukan ke-13 dalam Indeks 100 Koperasi Terbaik Malaysia 2011.

Berdasarkan kejayaan beberapa koperasi pertanian di Malaysia, Kementerian Perusahaan Perladangan Komoditi (MPIC) melalui MPOB telah mengambil inisiatif untuk menubuhkan koperasi penanam sawit mampan pekebun kecil persendirian.

## Koperasi penanam sawit mampan (KPSM)

Penubuhan Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM) merupakan program di bawah program Sustainable Palm Oil Cluster (SPOC) di bawah MPOB. Objektif SPOC adalah untuk memastikan pekebun kecil sawit mengeluarkan hasil sawit secara mampan dan dapat memenuhi keperluan masa kini dan masa depan.

Penubuhan KPSM adalah sebagai wadah untuk mencapai matlamat SPOC. Ahli KPSM terbuka kepada pekebun kecil sawit persendirian yang memiliki kebun sawit kurang daripada 40.46 hektar.

Objektif utama penubuhan KPSM adalah untuk menyatukan pekebun kecil supaya berupaya menjalankan aktiviti untuk kebaikan bersama se-

perti meningkatkan pengeluaran dan kualiti buah tandan segar (BTS), pembelian input secara berkelompok untuk mengurangkan kos, dan penjualan BTS berkelompok bagi mendapatkan harga yang tinggi dan meningkatkan pendapatan ahli-ahli.

KPSM yang pertama ditubuhkan adalah di Tongod, Sabah pada 13 Oktober 2010. Sehingga 31 Ogos 2012, sebanyak 22 buah KPSM telah ditubuhkan di seluruh Malaysia seperti di Jadual 1 di bawah;

JADUAL 1: KPSM YANG TELAH DITUBUHKAN SEHINGGA 31 OGOS

Bil	Negeri	Senarai KPSM	Tarikh Di Tubuhkan
1	Sabah	i. KPSM Daerah Tongod	13 Oktober 2010
		ii. KPSM Daerah Kunak	13 Disember 2010
		iii. KPSM Daerah Kinabatangan	16 Februari 2011
		iv. KPSM Daerah Tawau	8 Mac 2011
		v. KPSM Daerah Beluran	11 Julai 2011
		vi. KPSM Daerah Keningau	3 Mei 2012
2	Sarawak	i. KPSM Daerah Saratok	1 Disember 2010
		ii. KPSM Daerah Belaga	18 Januari 2011
		iii. KPSM Daerah Serian	29 November 2011
		iv. KPSM Daerah Selangau	5 Mei 2012
		v. KPSM Bakong Marudi	12 Julai 2012
3	Pahang	i. KPSM Daerah Temerloh	5 Julai 2011
		ii. KPSM Daerah Bera	11 Oktober 2011
		iii. KPSM Daerah Maran	29 Mei 2012
4	Johor	i. KPSM Daerah Kulijaya	16 April 2011
		ii. KPSM Kluang Utara	6 Januari 2011
5	Perak	i. KPSM Daerah Selama	24 November 2011
		ii. KPSM Daerah Teluk Intan	22 Mac 2012
6	Melaka	KPSM Daerah Jasin	20 Disember 2010
7	Kuala Selangor	i. KPSM Kuala Selangor Selatan	10 Mei 2011
		ii. KPSM Tanjung Dua Belas 1&2 Kuala Langat	18 Julai 2012
8	Terengganu	KPSM Daerah Dungun	30 Mei 2012

## Kaedah pemasaran BTS oleh KPSM

Untuk mendapatkan harga jualan BTS yang terbaik, KPSM bertindak mengumpulkan ahli-ahli koperasi yang bersetuju untuk menjual BTS secara berkelompok. Dengan bilangan ahli yang ramai, koperasi akan berupaya membuat rundingan terus dengan pihak kilang dan pada masa yang sama mempunyai kuasa berunding (bargaining power).

Di samping berupaya mendapatkan tawaran harga yang terbaik, KPSM juga akan diberikan insentif sekiranya KPSM dapat menghantar sejumlah kuantiti BTS yang dipersetujui. Kilang juga diberi jaminan bekalan kualiti BTS yang tinggi kerana KPSM akan

memantau kualiti bagi setiap penghantaran melalui kerjasama ahli-ahli.

Kini, KPSM menggunakan dua kaedah untuk mengumpulkan buah daripada ahli-ahli iaitu sistem jaring dan bin. Penggunaan sistem ini adalah bagi memantau kualiti BTS setiap ahli (traceability).

### a. Sistem Jaring (net)

- Sistem ini sesuai bagi kebun-kebum yang kedudukannya tidak setempat (berselerak).

- Bayaran dibuat secara tunai atau online dan dibayar pada hari yang sama atau selewatnya tiga hari.

- Peralatan yang diperlukan untuk sistem ini adalah lori berserta kren, alat timbang dan net bersaiz 8'x8'.

### b. Sistem bin

- Sistem ini sesuai bagi kebun yang kedudukannya setempat atau berhampiran.

- Bin ditempatkan di lokasi sesuai untuk pekebun kecil menghantar BTS. Mereka akan dimaklumkan tarikh dan masa pengambilan BTS di lokasi bin.

- Setiap tandan dihantar oleh pekebun kecil ditimbang di lokasi bin. Koperasi akan merekodkan kualiti (gred) dan berat setiap pekebun kecil.
- Apabila bin sudah penuh, buah tersebut akan dihantar terus ke kilang dan akan ditimbang dan digred sekali lagi dan timbangan dan kualiti yang diperoleh di kilang adalah muktamad dan dijadikan asas pembayaran mengikut kadaran berat asal.

- Bayaran boleh dibuat secara tunai atau online dan dibayar pada hari yang sama atau selewatnya tiga hari.
- Peralatan diperlukan untuk sistem ini adalah lori berserta hook & lift, alat timbang dan bin berkapasiti 4-5 tan.

## Pengalaman sistem pemasaran BTS Oleh KPSM

Dua model pemasaran BTS yang diterangkan di atas sedang dijalankan oleh KPSM Daerah Tongod, Sabah dan KPSM Saratok, Sarawak. Projek bermula pada bulan Julai 2012. Di Saratok, sistem yang digunakan adalah sistem jaring. Sepanjang bulan Julai 2012, seramai 20 ahli koperasi dengan anggaran keluasan 100 ha telah menyertai pemasaran BTS melalui sistem jaring. Di sini hanya terdapat satu kilang sawit dan dua pembeli buah. KPSM telah berunding dengan pengurus kilang dan mendapat tawaran harga untuk bulan Julai 2012. Pada masa yang sama KPSM juga memantau harga yang ditawarkan oleh kedua-dua buah pembeli BTS.

Jadual 2 menunjukkan perbezaan harga jualan BTS yang ditawarkan oleh pihak kilang berbanding dengan pembeli BTS sepanjang bulan Julai 2012.

JADUAL 2. PERBEZAAN HARGA ANTARA KILANG DAN PEMBELI BTS PADA BULAN JULAI 2012 (RM/mt)

Tarikh	Purata Harga BTS di Kilang (1)	Purata Harga Pembeli BTS (2)	Perbezaan Harga (3) = (1) - (2)	Purata Tambahan Kos Pengangkutan (4)	Perbezaan Harga BTS Bersih (5) = (3) - (4)
Minggu 1	554	458	96	30	66
Minggu 2	554	447	107	30	77
Minggu 3	554	438	116	30	86
Minggu 4	554	438	116	30	86
	554	445	96 - 116	30	66-86

Data dari Jadual 2 menunjukkan harga BTS bersih yang diperoleh pekebun kecil melalui koperasi adalah lebih tinggi berbanding jika mereka menjual kepada pembeli BTS. Sepanjang bulan Julai 2012, perbezaan harga yang diperoleh oleh ahli koperasi adalah antara RM 66-88/ mt.

Ini membuktikan kerjasama menjual BTS secara berkelompok yang dianjurkan oleh koperasi telah memberi kesan kepada peningkatan harga. Adalah diperhatikan, perbezaan harga semakin meningkat setiap minggu menunjukkan pembeli BTS tidak boleh/berani bersaing dengan koperasi.

JADUAL 3. PENINGKATAN PENDAPATAN PEKEBUN KECIL

Tarikh	Bil. Pekebun Kecil Menyertai Jualan Kelompok (1)	Jumlah Urusniaga BTS (tan) (2)	Purata Urusniaga Harga BTS / pekebun kecil (tan) (3) = (2) ÷ (1)	Perbezaan Harga BTS (RM/tan) (4)	Lebih Pendapatan / Pekebun Kecil (RM) (5) = (3) x (4)
Minggu 1	3	4.33	1.44	66	95
Minggu 2	3	6.09	2.03	77	156
Minggu 3	6	26.77	4.46	86	384
Minggu 4	17	108.68	6.39	86	550

## i. Menarik minat pekebun kecil sebagai ahli koperasi

Kepercayaan pekebun kecil bersikap tunggu dan lihat terutama berkaitan faedah yang mereka peroleh dalam masa terdekat. Ini menyebabkan koperasi sukar mendapatkan bilangan ahli yang ramai pada peringkat permulaan.

### ii. Modal

Halangan modal merupakan faktor utama menghadkan aktiviti koperasi. Setiap projek memerlukan sumber ke-

lebih rendah daripada pasaran.

ii. Keuntungan yang diperoleh melalui sistem ini akan dikembalikan semula kepada ahli koperasi secara bayaran dividen tahunan.

### Khidmat nasihat berkelompok

Melalui koperasi juga, pihak kerajaan menerusi MPOB mudah menjalankan aktiviti untuk membantu pekebun kecil. Perjumpaan dengan ahli koperasi dan bimbingan kepada pekebun kecil dapat dilaksanakan dengan teratur bagi memastikan pengalaman pertanian baik sekali gus meningkatkan produktiviti BTS.

### Kemudahan Input Pertanian

Melalui koperasi harga belian input pertanian seperti baja, racun dan peralatan berkaitannya dapat dibeli dengan harga yang rendah kerana dapat membelinya pada harga pukal yang akan menguntungkan ahli-ahli koperasi.

### Masalah pemasaran BTS

Namun begitu, beberapa masalah dihadapi pada peringkat awal perancangan dan penubuhan koperasi adalah seperti berikut:



Tandan sawit sedia diangkut ke kilang.

wangan untuk dilaksanakan. Modal asas koperasi adalah dari kutipan yuran masuk saham. Sekiranya ahli tidak ramai modal asas koperasi ada sedikit dan ini menyukarkan untuk memulakan projek. Perancangan dan rundingan pihak kilang perlu dilakukan supaya kedua belah pihak berada di situasi "menang-menang".

## iii. Koperasi kurang pengalaman

Memandangkan koperasi baru ditubuhkan dan ahli lembaga koperasi dalam peringkat pembelajaran, maka terdapat banyak kelemahan yang perlu diperbaiki dari segi pengurusan dan pentadbiran koperasi, pelaksanaan projek, bidang kuasa dan sebagainya.

## iv. Komitmen ahli terhadap koperasi

Kepercayaan awal kepada koperasi adalah rendah kerana pekebun kecil menganggap koperasi sukar untuk membantu mereka dari segi ke-

wangan dan persaingan dengan pekebun BTS luar.

### v. Persaingan luar

Kemasukan koperasi dalam perniagaan BTS telah meluaskan persaingan mendapat hasil keluaran BTS pekebun kecil. Pengurusan teratur dan kerjasama antara pekebun-pekebun dan kilang sawit perlu ditingkatkan.

## vi. Tanggapan pihak industri terhadap koperasi

Koperasi penanam sawit mampan pekebun kecil merupakan satu institusi baru kepada industri sawit. Oleh itu, amat sukar bagi koperasi berurusan dengan mereka dalam menjalankan aktiviti yang berkaitan dengan perniagaan.

### Kaedah penyelesaian masalah

## i. Kempen menarik pekebun kecil menjadi ahli koperasi

Kempen dan ceramah berkaitan pe-

nubuhan koperasi perlu dilakukan untuk menjelaskan kebaikan koperasi.

### ii. Modal

Mendapatkan sumber dari syer ahli-ahli koperasi, pinjaman bank atau Suruhanjaya Koperasi Malaysia, pendahuluan daripada kilang atau pembelian input pertanian secara kredit antara langkah yang boleh dilakukan.

## iii. Khidmat perundingan perniagaan koperasi

Dalam aspek pengurusan koperasi, Maktab Koperasi Malaysia menjalankan kursus sepanjang tahun kepada anggota koperasi untuk meningkatkan pengetahuan dalam mengendalikan koperasi.

## iv. Tingkatkan komitmen ahli terhadap koperasi

Koperasi ditubuhkan atas keperluan pekebun kecil. Oleh itu kejayaan koperasi adalah bergantung kepada komitmen ahlinya untuk menjayakan sesuatu aktiviti yang diusahakan oleh koperasi. Maka adalah wajar setiap pekebun kecil memainkan peranan mereka bagi memastikan perancangan koperasi dapat dijayakan.

## v. Berfikiran positif terhadap persaingan luar

Setiap persaingan luar yang dihadapi oleh koperasi dianggap positif dan dijadikan sebagai satu cabaran yang membina untuk berjaya dalam industri ini.

## Kesimpulan

Koperasi adalah satu institusi yang menggembungkan ahlinya untuk bertindak secara keseluruhan bagi mencapai objektif mereka. Kejayaan untuk mencapai matlamat adalah terletak kepada komitmen semua ahli koperasi untuk merealisasikan.

Dengan adanya koperasi, maka pekebun kecil mempunyai alternatif medium untuk menyampaikan masalah mereka dan membantu mereka meningkatkan taraf hidup kerana dengan adanya koperasi, maka suara mereka akan didengar kerana mereka mewakili sekumpulan orang berbanding jika bersendirian.

Melalui kaedah pemasaran BTS model sistem jaring telah terbukti dapat membantu meningkatkan pendapatan pekebun kecil sebanyak 17 peratus apabila mereka berjaya mendapatkan harga BTS yang baik. Ini berlaku apabila kualiti pengeluaran BTS pekebun kecil digabungkan, maka mereka mempunyai "bargaining power" untuk menentukan hasil BTS dapat dipasarkan pada harga yang baik serta diberi perhatian yang sewajarnya jika dibandingkan kuantiti secara individu yang kecil.

Kualiti BTS juga dapat ditingkatkan apabila traceability dapat dilakukan dengan mudah di mana penambahan mutu BTS dapat dilakukan dengan segera. Kemudahan pengangkutan oleh koperasi dengan mengenakan caj berpatutan juga dapat mengurangkan kos pengangkutan BTS dan dijangka mendapat pulangan dividen akhir tahun melalui keuntungan aktiviti pengangkutan. Berdasarkan kepada pencapaian aktiviti pemasaran BTS pada bulan Julai, sistem pemasaran BTS oleh koperasi menggunakan sistem ini adalah berdaya saing dan boleh dilaksanakan oleh mana-mana koperasi.





# MPOB, GGS bangun teknologi bahan bakar pellet

» MoU meliputi pembangunan sistem proses, teknologi dan formulasi

Oleh Nasrin Abu Bakar  
nasrin@mpob.gov.my

► Bangi

MPOB sekali lagi menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) dengan Global Green Synergy Sdn Bhd (GGS) dalam penyelidikan dan pembangunan teknologi penghasilan bahan bakar 'pellet' berasaskan biojisim sawit.

Perjanjian persefahaman ini

meliputi kerjasama dalam pembangunan sistem proses, teknologi dan formulasi bagi penghasilan komersial bahan bakar pellet sawit sebagai sumber tenaga boleh diperbaharui.

GGS, syarikat yang bergiat aktif dalam perusahaan biojisim sawit terutamanya daripada gantian tandan buah kosong (EFB), pernah menjalankan kerjasama penyelidikan dan pembangunan dalam pengeluaran bahan bakar 'briquettes sawit dengan MPOB pada 2009.

Majlis menandatangani MoU itu diadakan sempena Seminar Pemindahan Teknologi (TOT) 2013 di antara Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May dan Pengarah Urusan GGS, Joseph Lim.

Ianya disaksikan oleh Ketua Setiausaha, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), Datin Paduka Nurmala

Abdul Rahim, yang sebelum itu telah merasmikan TOT 2013 mewakili Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Dato Sri Douglas Uggah Embas.

Kerjasama kali ini melibatkan pembangunan loji demonstrasi pengeluaran pellet sawit berskala komersial yang diintegrasikan dan beroperasi di kilang minyak sawit di Perak.

## Bio bahan api

Pada masa ini, kerja kerja pengujian loji sedang dijalankan dan pembangunannya berkonsepkan teknologi cekap tenaga (energy efficient technology), berproduktiviti tinggi di samping kos pelaburan dan pengoperasian yang lebih kompetitif.

Pellet sawit merupakan bio bahan api pepejal yang dihasilkan menggunakan gantian EFB sebagai bahan mentah utama melalui proses pemampatan.



Datin Paduka Nurmala Abdul Rahim dan Zulkifli Mohd Nazim menyaksikan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May dan Pengarah Urusan Global Green Synergy Sdn Bhd, Joseph Lim bertukar dokumen perjanjian persefahaman (MoU) bagi penyelidikan dan pembangunan teknologi bahan bakar 'pellet' berasaskan biojisim sawit.

Bersaiz di antara 6-12 mm diameter dan panjang di antara 20 - 40 mm, pellet sawit boleh digunakan sebagai sumber tenaga alternatif kepada bahan api fosil bagi penghasilan tenaga hijau.

Selain daripada menawarkan sumber bahan api yang lebih mu-

rah, penggunaan pellet sawit membantu usaha global dalam pengurangan pelepasan gas rumah hijau (GHG) sekaligus meningkatkan imej kemampanan industri sawit negara serta turut menjana nilai tambah kepada biojisim sawit.

First Announcement  
**2013**  
International  
Conference on  
**OIL PALM  
AND THE  
ENVIRONMENT**

Harmonising Oil Palm Development with Ecosystem Functions

24-25 October 2013  
MALAYSIAN AGRO EXPOSITION PARK SERDANG (MAEPS)  
SELANGOR, MALAYSIA

IN CONJUNCTION WITH  
MALAYSIA INTERNATIONAL COMMODITY  
CONFERENCE & SHOWCASE (MICCOS) 2013

MPOB

MALAYSIAN PALM OIL BOARD  
MINISTRY OF PLANTATION INDUSTRIES AND COMMODITIES  
www.mpob.gov.my

Enquiries:  
Malaysian Palm Oil Board  
HRD & Conference  
Management Unit,  
6, Persiaran Institusi, Bandar  
Baru Bangi, 43000 Kajang,  
Selangor, Malaysia

Attn:  
Nurul Arshah Musa/Sofiah Ahmad  
Tel : 603-8759 4568/603-8769 4985  
Fax : 603-8925 7549

E-mail :  
nurul@mpob.gov.my  
sofiya@mpob.gov.my

## Keluasan tanaman sawit negara 5.13 juta hektar

Oleh Che Johari Mamat  
mjohari@mpob.gov.my

**Bangi:** Keluasan tanaman sawit negara telah mencecah 5.13 juta hektar sehingga bulan Mac 2013 lalu, iaitu peningkatan seluas 54,784 hektar atau 1.08 peratus berbanding 5.08 juta hektar yang direkodkan pada tahun 2012.

Keluasan itu meliputi 2,567,992 hektar (50 peratus) tanaman sawit di Semenanjung Malaysia, 1,459,208 juta hektar (28.5 peratus) di Sabah dan 1,104,513 juta hektar (21.5 peratus) di Sarawak.

Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May, berkata demikian semasa memberi taklimat lawatan kerja pertama Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Dato Sri Douglas Uggah Embas bersama Timbalannya, Dato' Noriah Kasnon ke Ibu Pejabat MPOB, di sini, baru baru ini.

Beliau berkata, sejumlah 4,444,722 juta hektar atau 86.6 peratus daripada jumlah keluasan 5.13 juta hektar itu adalah tanaman yang telah mengeluarkan hasil buah tandan segar (BTS) sawit ketika ini.

Katanya, keluasan estet swasta yang berjumlah 3,159,512 juta hektar atau 61.6 peratus adalah

### INFO

#### Bilangan pekebun kecil persendirian dan keluasan hektar sehingga Mac 2013

Negeri	Bilangan Pekebun Kecil	Keluasan Hektar
<b>Semenanjung Malaysia</b>	<b>137,780</b>	<b>437,997</b>
Johor	62,852	188,628
Kedah	4,431	21,853
Kelantan	898	3,758
Melaka	2,083	9,975
Negeri Sembilan	4,145	20,840
Pahang	8,549	39,009
Perak	32,171	94,984
Perlis	8	58
Pulau Pinang	1,627	8,496
Selangor	18,690	40,828
Terengganu	2,326	9,569
<b>Sabah/Sarawak</b>	<b>43,836</b>	<b>270,811</b>
Sabah	27,619	186,552
Sarawak	16,217	84,259
<b>Malaysia</b>	<b>181,616</b>	<b>708,808</b>

terbesar mengikut kategori yang ditetapkan dan diikuti oleh estet FELDA seluas 709,265 hektar atau 13.8 peratus.

Estet FELCRA 169,352 (3.3 peratus), RISDA seluas 77,444 hektar (1.5 peratus), estet Kerajaan-kerajaan Negeri 307,332 (6.0 peratus) dan Pekebun Kecil Persendirian pula mempunyai keluasan 708,808 hektar atau 13.8 peratus.

#### 382,092 tenaga kerja

Datuk Dr Choo berkata, bilangan pekebun kecil persendirian yang berdaftar sehingga Mac 2013 adalah 181,616 orang.

Sementara itu, jumlah kilang minyak sawit, kilang pe-

lumat isirung, kilang penapis dan kilang oleokimia yang beroperasi dalam negara masa kini adalah masing masing berjumlah 425, 45, 54 dan 17 buah di seluruh negara.

Datuk Dr Choo berkata, jumlah kos pengeluaran bagi setiap tan minyak sawit bagi Malaysia tahun 2013 adalah RM1,405.45. Manakala kos pengeluaran bagi Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak adalah masing-masing RM1,301.27, RM1,427.02 dan RM1,662.58.

Sehingga April 2013, sejumlah 382,092 tenaga kerja direkodkan bekerja dalam sektor perladangan sawit negara.



# Vermikompos guna cacing agen pereputan

» *Baja tingkat tumbesaran anak pokok sawit*

Oleh Siti Nurazlinee Azmi  
sitinurazlinee@mediaprima.com.my

**A**plikasi baja vermikompos dalam industri pokok sawit adalah antara inisiatif baru yang diperkenalkan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) bagi mempertingkatkan tumbesaran anak pokok sawit selain memperbaiki struktur tanah.

Proses vermikompos adalah pereputan terhadap sisa terbuang menggunakan cacing yang bertindak sebagai agen pereputan tambahan. Sistem pengkomposan itu boleh dibuat di kilang sawit bagi memproses semula sisa buangan sawit seperti tandan buah kosong, pelepah, batang dan pepejal mendakan daripada air kumbahan sawit.

Pegawai Penyelidik MPOB, Nahrul Hayawin Zainal, berkata kajian telah dimulakan sejak lebih 5 tahun dahulu dan telah memasuki fasa kajian aplikasi nilai-tambah baja vermikompos. Di antaranya adalah melalui penambahan zeolite kepada substrat vermikompos, di mana ia memberi manfaat dan kebaikan dari segi penyerapan logam berat dan mengekalkan nutrien yang terdapat pada baja dan juga tanah.

Jelas beliau, kajian membuktikan bahawa tambahan zeolite kepada baja vermikompos memberi kesan signifikan dari segi pertumbuhan dan percambahan pelepah anak pokok sawit.

## Lembutkan gentian sawit

"Proses awal adalah melibatkan penghasilan kompos, bertujuan untuk melembutkan gentian sawit supaya mudah dicerna oleh cacing dan sewaktu proses kompos, kelembapan, pH dan suhu akan dikawal pada tahap sepatutnya.

"Selepas hari ke 14 hingga 20 proses kompos, cacing boleh diletakkan untuk proses pencernakan selanjutnya. Di dalam peringkat ini juga, bahan lain seperti kompos sisa buangan haiwan atau mendakan pepejal kumbahan sawit akan dicampurkan. Tujuan menambah bahan-bahan tambahan tersebut adalah untuk meningkatkan nitrogen, fosforus dan kalium kepada lebih dari 1:1:1 supaya baja yang dihasilkan berkualiti," katanya.

Nahrul berkata, baja yang ter-

hasil kemudian akan diproses menggunakan harvester (mesin pemisah) untuk mengasingkan baja daripada cacing manakala cacing yang dipisahkan akan digunakan untuk proses kompos yang berikutnya. Kebanyakan daripada hasil kajian vermikompos ini akan dikaji keberkesannya melalui aplikasi tanaman sayuran dan anak pokok sawit.

## Bilangan pelepah bertambah

"Hasilnya adalah sungguh memberangsangkan. Daripada kajian yang dijalankan terhadap anak sawit, menunjukkan penambahan bilangan pelepah, ketinggian pokok yang baik, serta biojisim akar dan daun yang lebih baik berbanding penggunaan baja kimia.

"Baja vermikompos yang dihasilkan daripada cacing adalah kategori baja organik. Baja cacing yang dihasilkan membantu dalam memperbaiki dan meningkatkan struktur dan nutrisi tanah kerana kehadiran mikrob dan nutrisi yang terdapat pada cacing itu sendiri," katanya.

Menariknya, selain penghasilan baja, air yang terhasil daripada proses pengkomposan itu juga boleh diguna sebagai sem-

buran baja cecair kepada tanaman untuk menjauhkan serangga perosak memandangkan di dalam cecair itu mengandungi Asid Humik yang diperolehi daripada cecair cacing.

Selain itu juga katanya, dengan adanya kajian dan hasil seperti ini boleh meningkatkan proses kitar semula sisa sawit seterusnya mencapai strategi MPOB bagi buangan sifar.

Bercerita mengenai idea untuk melakukan kajian berhubung baja vermikompos, Nahrul berkata, cetusan idea diperolehi ketika menyambung projek Sarjananya pada 2008 di Universiti Sains, Pulau Pinang; atas tajaan skim GSAS yang telah ditawarkan oleh MPOB.

Jelasnya, idea asal projek ialah daripada penyelia beliau, Profesor Datuk Abdul Khalil Shawkataly dan Profesor Madya Mahamad Hakimi Ibrahim (Teknologi Industri, USM) dengan kerjasama Dr Astimar Abdul Aziz dari Unit Teknologi Biojisim, Lembaga Minyak Sawit Malaysia seterusnya memulakan projek vermikompos sehingga selesai pada tahun ini.

Nahrul berkata, apa saja bentuk penyelidikan pasti menemui pelbagai cabaran dan dalam



Pegawai Penyelidik MPOB, Nahrul Hayawin Zainal bersama cacing dan baja vermikompos yang dihasilkan.

projek yang dikendalikan beliau, ialah ketika pembelian cacing dari Bandung, Indonesia.

## Cacing dari Indonesia

Beliau berkata, pembelian cacing dari Indonesia itu memerlukan pembeli memenuhi syarat yang ditetapkan untuk mendapat kelulusan dan pelepasan dibawa balik ke Malaysia.

"Antaranya, isu patogenik iaitu bakteria atau virus yang terkandung dalam cacing. Tetapi sehingga kini isu tersebut berjaya ditangkis berikutan tiada sebarang isu patogenik dilihat pada cacing tersebut.

"Keduaanya, ialah makanan untuk cacing itu sendiri. Selama lima tahun menternak cacing, terdapat beberapa kegagalan yang dialami seperti cacing mati se-

lepas beberapa minggu walaupun telah diberi makanan. Justeru pemerhatian teliti dilakukan dan akhirnya kami berjaya menternak cacing dan membesarkannya sehingga hari ini," katanya.

Tambah beliau, selepas kejayaan menghasilkan baja vermikompos, kami sentiasa meningkatkan kajian bagi mencapai sasaran peningkatan hasil, pengurangan kos dan aplikasi. Kajian ini adalah bagi membangunkan teknologi untuk mempercepatkan proses mengkompos (rapid composting) dan melengkapkan proses penghasilan baja.

Katanya, beliau yakin baja yang dihasilkan itu mampu dipasarkan secara komersial memandangkan terdapat banyak minat dan permintaan daripada pengusaha ladang sawit.

# NOTIS

## SKIM INSENTIF BIODIESEL SAWIT (SIBS) 2013

SIBS bertujuan untuk menambahkan penggunaan biodiesel sawit bagi mengurangkan stok minyak sawit dan menyumbang terhadap pengukuhan harga minyak sawit. Penggunaan biodiesel sawit akan menyumbang terhadap pengurangan pelepasan gas rumah hijau terutamanya bagi kilang-kilang yang menggunakan dandang dan jentera berenjin diesel.

Permohonan SIBS 2013 dikehendaki mempunyai lesen perniagaan yang masih sah pada tarikh permohonan. Skim mendasarkan *first-come first-serve* basis sehingga peruntukan habis dibelanjakan.

**Permohonan Dibuka Sekarang**

Borang permohonan dan syarat syarat SIBS, layari [www.mpob.gov.my](http://www.mpob.gov.my)

Pertanyaan:



LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA  
Kementerian Perusahaan Perladangan & Komoditi, Malaysia.

Tel: 03-8769 4653 / 4264

Email: [biodiesel@mpob.gov.my](mailto:biodiesel@mpob.gov.my)

### SYARAT-SYARAT PERMOHONAN SKIM INSENTIF BIODIESEL SAWIT

- Skim insentif biodiesel sawit berkuatkuasa mulai pada 1 Mac 2013 berdasarkan first come first serve basis dan tamat pada 30 September 2013
- Kadar insentif adalah sebanyak RM300 setan biodiesel sawit.
- Bayaran hanya akan dibuat selepas penilaian dan pengesahan oleh MPOB.
- MPOB berhak mengadakan pemeriksaan ke premis perniagaan sekiranya perlu
- Kuota biodiesel sawit yang diluluskan akan disemak semula setiap bulan dan MPOB berhak menarik balik kuota yang diluluskan sekiranya tidak digunakan.
- Bayaran dibuat mengikut kelulusan kuota dan pembelian / pembekalan sebenar biodiesel sawit.
- Jika terdapat sebarang penipuan dan pelanggaran syarat-syarat yang tersenarai di atas, pihak MPOB berhak menarik balik kuota yang diluluskan dan kemudahan wang insentif tersebut serta tindakan undang-undang boleh diambil.

### TEMPOH:

1 Mac - 30 September 2013 \*(Tertakluk kepada peruntukan)



# Minyak sawit elak lemak trans berbahaya

» EU terus memberi kempen negatif enggan akui kebaikan minyak sawit

Sejak dua puluh tahun lalu, permintaan minyak sawit bagi pembuatan makanan di Eropah meningkat secara berterusan. Jumlah import minyak dan lemak oleh Kesatuan Eropah (EU) sebanyak 8 hingga 10 juta tan setahun iaitu satu per tiga daripada penggunaan tahunan. Minyak sawit merupakan jumlah import utama kerana diperlukan untuk menampung kekurangan keluaran minyak dan lemak tempatan.

Bagaimanapun, kebelakangan ini, rakyat Eropah disogok dengan pelbagai maklumat salah mengenai minyak sawit melalui kempen dijalankan pihak pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Pembeli minyak sawit pula mahu

melihat kontroversi melanda komoditi popular ini dihentikan kerana perniagaan pembuatan produk memerlukan minyak sawit disebabkan ciri-cirinya daripada segi khasiat dan ekonomi yang membolehkan keuntungan diraih pada harga berpatutan, walaupun dalam keadaan ekonomi di Eropah merudum.

Minyak sawit diperlukan dalam penghasilan produk berkhasiat yang efisien kerana penggunaan minyak tempatan (selain minyak sawit) memerlukan proses penghidrogenan untuk menjadi pejal yang menyebabkan terhasilnya minyak lemak trans berbahaya. Lazimnya, pengeluaran di Eropah menyempurnakan teknik esterifikasi iaitu minyak sawit boleh digabung dengan minyak tempatan untuk menghasilkan majerin, lemak atau lemak bakeri, manakala lemak trans yang memudaratkan dielakkan. Lemak trans paling tidak sihat dalam kalangan

semua lemak kerana boleh meningkatkan kolesterol LDL yang tidak dikehendaki, manakala kolesterol HDL yang baik dikurangkan.

Proses alternatif lain untuk mengelakkan lemak trans pula mahal dan berkemungkinan memudaratkan kesihatan. Lemak khinzir dan lemak binatang lain boleh diproses untuk membuat majerin tetapi kandungannya sarat dengan kolesterol, manakala bekalnya juga tidak banyak. Tambahan pula, lemak sebegini tidak diterima sesetengah pengguna disebabkan larangan agama. Minyak ikan pernah digunakan untuk penghasilan majerin tetapi penurunan bekalan menjelaskan proses ini. Minyak ikan juga melalui proses hidrogenasi yang menghasilkan lemak trans tidak sihat.

## Kekurangan sumber

Terdapat beberapa pandangan bahawa minyak tempatan lebih sesuai digunakan bagi pasaran EU. Minyak seperti kacang soya, biji sesawi dan minyak biji bunga matahari sering dipasarkan sebagai mempunyai kandungan tinggi asid lemak poli tak tepu yang membantu menurunkan kolesterol. Bagaimanapun, EU menghadapi masalah kekurangan minyak dan lemak serta ketiadaan sumber lemak pejal selain lemak haiwan seperti lemak khinzir dan binatang lain. Tambahan pula, soya, biji sesawi dan biji bunga matahari adalah dalam bentuk cecair serta memerlukan komponen lemak pejal untuk mengeluarkan produk lemak pejal. Ini bermakna, pengeluaran tidak boleh menghasilkan produk lemak pejal dengan cekap dan tidak memiliki bekalan minyak goreng stabil yang mencukupi tanpa minyak sawit. Pendek kata, tanpa minyak sawit, terdapat banyak kilang yang terpaksa menghentikan pengeluaran majerin, lemak, manisan dan produk makanan segera.

Kempen anti-minyak sawit menyatakan minyak sawit mempunyai kandungan tinggi lemak tepu dan sewajarnya perlu dielakkan, maka penggunaan minyak sawit perlu dihindarkan seperti dicadangkan beberapa senator Belgium baru-baru ini. Namun, andaian itu tidak disokong fakta sains. Meskipun minyak sawit mempunyai 50% asid lemak tepu yang dikhuatiri akan meningkatkan kolesterol berbanding dengan 15% bagi minyak zaitun, terdapat banyak kajian yang menunjukkan sebaliknya. Kandungan tinggi asid lemak mo-

no tak tepu dalam minyak sawit pula sama dengan minyak zaitun di mana ini membolehkan minyak zaitun tampil dengan imej kesihatan yang positif.

Kajian menunjukkan pemakaian yang mengandungi minyak sawit membantu mengurangkan kolesterol berbanding dengan lemak yang terdapat dalam makanan barat. Subjek diletakkan di bawah diet makanan barat dengan menggunakan minyak sawit bagi menggantikan minyak biasa digunakan menunjukkan paras kolesterol yang lebih rendah pada akhir tempoh ujian.

Usaha meniadakan minyak sawit dari pasaran minyak dan lemak EU adalah tidak wajar. Minyak sawit dan kandungan asid lemak tepunya tidak akan menjejaskan tahap kolesterol sama seperti minyak zaitun. Tambahan pula, minyak sawit mempunyai kelebihan yang ketara dalam penghasilan produk lemak pepejal seperti majerin dan lemak, tanpa memerlukan bahan alternatif yang tidak sihat seperti lemak haiwan atau minyak lembut yang menyebabkan penghasilan lemak trans akibat hidrogenasi. Malah, dalam industri penggorengan, ciri-ciri kestabilan pada suhu tinggi dan kos yang berpatutan menyebabkan minyak sawit digemari oleh pengilang kerana alternatif seperti minyak tempatan mono tak tepu tinggi mempunyai bekalan yang rendah dan mahal.

Akibat desakan penyokong RSPO, pembeli minyak sawit terpaksa akur dengan mengisytiharkan mereka akan menukar ke minyak sawit mampan pada tarikh ditetapkan pada masa hadapan. Mereka mahu mengelakkan gangguan dan ugutan daripada NGO agar hanya minyak diperakui RSPO digunakan.

Oleh kerana RSPO adalah satu skim perakuan secara sukarela yang baik, penyokong mengadakan kempen memburukkan minyak sawit. Tuduhan palsu dibuat untuk mengaitkan minyak sawit dengan penghapusan hutan dan menanamkan persepsi negatif minyak sawit di minda pengguna. Minyak sawit digambarkan sebagai tanaman tunggal tanpa biodiversiti yang berlawanan dengan hutan hujan (seharusnya perbandingan dilakukan terhadap biodiversiti tanaman bijian minyak yang lain!) walhal tanaman bijian minyak ini menggunakan tanah pertanian yang minimum berbanding tanaman bijian minyak bermusim.

## Label tak beretika

Kumpulan berkepentingan yang lain turut serta mengeksploitasi keadaan ini. Perancis contohnya membenarkan pelabelan tidak sah dan tidak beretika iaitu 'tanpa minyak sawit' digunakan oleh peruncit mereka seperti Casino dan System U. Terdapat juga usaha untuk mengenakan cukai 300% ke atas minyak sawit baru-baru ini. Perancis merupakan pengeluar terbesar minyak bunga matahari dan minyak biji sesawi bagi EU, tidak melabur dalam kemudahan

pemprosesan minyak sawit.

Kekurangan kepentingan dalam perniagaan minyak sawit ini memudahkan pendirian anti-minyak sawit. Pihak NGO bertindak keterlaluan dalam menyokong minyak sawit yang diperakui RSPO dengan mendakwa pembasmian hutan adalah akibat perkembangan minyak sawit yang tidak dikawal. Kesan daripada kempen berkenaan menggugat petani dan penanam kecil yang menghasilkan makanan untuk menambah pendapatan mereka atau menjana ekonomi dan menghasilkan pekerjaan supaya negara seperti Malaysia yang merupakan pengeluar kedua terbesar minyak sawit, boleh mengurangkan jumlah import makanan dan meningkatkan taraf ekonomi serta kehidupan rakyat.

## Kempen negatif

Kempen negatif berkenaan bakal mendatangkan hasil yang tidak akan memberi kemenangan ke mana-mana pihak kerana pengguna berkemungkinan mengelakkan minyak sawit atau minyak dan lemak secara amnya. Jika label 'tanpa minyak sawit' dibenarkan di Perancis, maka minyak sawit yang diperakui RSPO juga tidak boleh digunakan dalam produk yang mempunyai label itu.

Senator di Perancis, Belgium dan Switzerland juga dilihat sedang dipengaruhi kempen anti-minyak sawit apabila mencadangkan undang-undang anti-minyak sawit. Semua cadangan perundangan lalu oleh senator yang menerima maklumat salah, tidak diendahkan kerajaan yang berkaitan seperti Amerika Syarikat, Australia dan Perancis. Menghadkan pasaran bagi minyak sawit tanpa alasan saintifik akan menyalahi peruntukan WTO yang menggalakkan perdagangan bebas. Tiada negara yang mengharamkan penggunaan minyak sawit kerana minyak ini diluluskan untuk digunakan dalam makanan oleh badan antarabangsa seperti WHO, FAO dan CODEX yang melakukan segala penilaian. Pihak NGO mahupun senator tidak mampu mempertikaikan kelulusan berkenaan tetapi hanya mampu mengesyorkan penggunaan terhad minyak sawit tanpa alasan kukuh yang berdasarkan penyelidikan ke atas khasiat minyak sawit.

Jika Eropah dan pengeluar di situ benar-benar mengambil berat tentang kesihatan pengguna, mereka sepatutnya mempertimbangkan dengan serius penghapusan lemak trans dan menerima hakikat minyak sawit bukan satu masalah, tetapi penyelesaian dalam penghasilan produk sihat bebas lemak trans.

Artikel ini diterjemah daripada artikel asal yang bertajuk 'Palm Oil - A Desired Ingredient for European Food Manufacturers to Avoid Dangerous Trans Fats.' Sila layari <http://www.ceopalmoil.com> untuk mendapatkan salinan asal artikel ini.

**KEISTIMEWAAN SAWIT**

Tanaman sawit memberi pelbagai kebaikan yang tidak terhitung. Kepada alam sekitar. Kepada kesihatan. Kepada kehidupan. Kepada ekonomi.

Bakalnya mengeluarkan oksigen untuk hidupan dan membendung pemanasan global. Buahnya memberi vitamin dan tenaga. Industri sawit Malaysia turut menyumbang kepada kehidupan jutaan penduduk di seluruh dunia, di samping menjana ekonomi negara dan juga dunia.

Ia adalah lebih dari sekadar minyak sayuran. Ianya merupakan sumber alam semulajadi untuk kehidupan.

Minyak Sawit Malaysia  
Khasiat, Kelestarian, Kecekapan dan Kecekapan.



# Teknologi sawit bantu pertingkat produktiviti

Pendekatan teknologi di dalam membantu meningkatkan produktiviti industri sawit semakin penting dengan strategi serampang tiga mata MPOB dalam meningkatkan pendapatan, aktiviti tambah nilai dan aktiviti industri buang sifar yang bergerak seiring menuju ke sasaran Pendapatan Negara Kasar mencecah RM178 bilion pada tahun 2020.

## Penyelidikan dan Pembangunan

Teknologi baru bermula melalui penyelidikan dan pembangunan bagi mengoptimalkan penghasilan berganda bermula di peringkat hulu. Program tanaman semula dan tanam baru sektor pekebun kecil yang menggunakan benih sawit bermutu berupaya menjana pendapatan tinggi. Pengeluaran buah tandan segar (BTS) melebihi 25 tan sehentak setahun adalah matlamat MPOB dalam tempoh terdekat. Ia dibantu dengan Amalan Pertanian Baik (GAP), pengurusan ladang yang sistematik juga input pertanian yang berteknologi moden.

## Inovasi dan Teknologi Baru

Penciptaan inovasi dan teknologi baru adalah bermatlamat mengatasi pelbagai masalah melibatkan semua aktiviti sawit. Masalah penyakit seperti reput pangkal, kulat, ancaman makhluk perosak sawit sentiasa dikaji. Contohnya, kawalan penyakit Ganoderma menggunakan teknologi alat gas kromatografi spektrometri jisim (GCMS) sebagai pengesanan di peringkat

**PEMENANG PERTAMA**  
**Fazuan Ammar Azman**  
**(No. K/P: 000720-01-1307) SMK**  
**Bandar Maharani Muar, No. 18**  
**Taman Cahaya 2,**  
**Jalan Ismail,**  
**84000 Muar, Johor**

awal, terbukti mencegah penualaran dan menyihatkan tanaman. Selain itu, MPOB juga mempunyai koleksi germplasma sawit yang terbesar di dunia dan menghasilkan bahan tanaman seperti PS1 yang bermutu tinggi yang diedarkan kepada industri sawit.

Penciptaan formulasi baja yang optimum dan mesra alam amat berguna bagi kesuburan tanaman. Sistem pengkomposan adalah aktiviti buangan sawit serta mengurangkan pelepasan gas rumah hijau (GHG). Kajian mendapati tambahan zeolite pada baja kompos meningkatkan pertumbuhan anak pokok sawit. Formulasi baja seperti baja MPOBF1 dan MPOBF2 telah membawa impak positif dalam meningkatkan produktiviti sawit. Selain itu, kawalan makhluk perosak secara biologi seperti penggunaan kulat metarhizium dan bacillus thuringiensis telah diterima oleh pihak industri dengan jayanya.

## Pengurusan Teknologi Ladang

Teknologi pengurusan ladang yang dicipta MPOB seperti mesin CANTAS dengan kecekapan berganda dari 1.8 tan kepada 3.2 tan BTS adalah peningkatan produktiviti bagi seorang pekerja. Teknologi ini begitu popular sehing-

ga kerajaan menyediakan Skim Diskaun Cantas (SKIDIC) melibatkan peruntukan berjumlah RM5.3 juta. CANTAS adalah antara teknologi yang efektif dan menjimatkan masa. Selain itu, teknologi jentera pelbagai guna kompak bertrek seperti Beluga dan Rhyno adalah alternatif terbaik bagi mengangkut BTS dengan penghasilan purata 20 tan sehari adalah menjimatkan masa, tenaga dan meningkatkan produktiviti hasil ladang.

## Teknologi Pembuangan Sifar

Bagi mencapai kelestarian alam sekitar di samping meningkatkan produktiviti melalui konsep pembuangan sifar, MPOB menghasilkan teknologi seperti pemerangkapan biogas dari efluen kilang sawit untuk dijadikan bahan api serta produk berasaskan biojisim sawit seperti papan gentian, bio komposit dan pulpa sawit untuk dikomersialkan. Penyelidikan masih dijalankan bagi penghasilan bio bahan api generasi kedua seperti bio oil, bio ethanol dan bio kimia bagi mengimbangi persekitaran yang lebih sihat.

Seminar Pemindahan Teknologi dianjurkan setiap tahun oleh MPOB bagi memperkenalkan teknologi baru yang dihasilkan oleh penyelidik MPOB. Setakat ini sebanyak 527 teknologi dan produk baru telah diperkenalkan dan 30 peratus daripadanya dikomersialkan oleh pihak industri sawit dan usahawan tempatan.

Semoga segala hasil penyelidikan dan teknologi baru MPOB dapat menyumbang kepada pertumbuhan industri sawit seperti yang disasarkan. Industri sawit negara mengalami transformasi yang membanggakan hasil teknologi yang meningkatkan produktiviti sawit dari semasa ke semasa.

# Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Julai 2013

Peraduan ini terbuka kepada pelajar sekolah menengah di seluruh negara. Karangan adalah mengenai industri sawit negara dan antarabangsa dan ditulis tangan berpandukan tajuk yang diberikan di bawah:

Tajuk: "Pekebun kecil sawit berpeluang menambah pendapatan melalui penyertaan dalam Koperasi Penanam Sawit Mampan. Bincangkan".

Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit terbuka kepada semua pelajar sekolah menengah Tingkatan 1 hingga 5.

Tiga pemenang utama setiap bulan akan menerima;  
Hadiah Pertama : RM250  
Hadiah Kedua : RM200  
Hadiah Ketiga : RM150  
Esei yang berjaya mendapat tempat pertama akan disiarkan dalam Berita Sawit keluaran bu-

lan Julai 2013 akan datang.

## Syarat Penyertaan:

1. Terbuka kepada pelajar sekolah menengah tingkatan 1 hingga 5
2. Panjang esei di antara 450 - 600 patah perkataan
3. Sila nyatakan nama penuh, alamat sekolah, alamat rumah, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan sertakan sekeping gambar berukuran pasport (sekiranya ada)
4. Keputusan juri adalah muktamad
5. Tarikh tutup penyertaan ialah pada 22 Julai 2013
6. Hantarkan penyertaan ke alamat:  
Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit  
Ibu Pejabat MPOB  
6, Persiaran Institusi,  
Bandar Baru Bangi,  
43000 Kajang, Selangor

u/p: Noor Asmawati Abdul Samad (Unit Perhubungan Awam)

Keputusan Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Jun 2013

Hadiah Pertama  
Fazuan Ammar Azman  
(No. K/P: 000720-01-1307)  
SMK Bandar Maharani Muar  
No. 18 Taman Cahaya 2  
Jalan Ismail  
84000 Muar, Johor

Hadiah Kedua  
Muhammad Syarifuddin Jamaludin  
(No. K/P: 961031-14-5513)  
SMK Sultan Sulaiman,  
Jalan Sultan Mahmud,  
20400 Kuala Terengganu,  
Terengganu

Hadiah Ketiga  
Tiada pemenang

## KUIZ SAWIT siri 31

### Syarat penyertaan

- Penyertaan dibuka kepada pelajar Sekolah Rendah Tahun 1 - 6
- Penyertaan hendaklah disertakan dengan borang dan ditandatangani oleh guru sekolah;
- 10 pemenang yang menjawab dengan betul akan dipilih sebagai pemenang;
- Sekiranya terdapat lebih 10 pemenang, Cabutan Bertuah akan dibuat oleh panel kuiz.
- Keputusan pengadil adalah muktamad
- Jawapan hendaklah sampai selewat-lewatnya pada 22 Julai 2013
- Hantarkan jawapan berserta nama penuh, no. telefon, alamat rumah dan alamat sekolah yang lengkap kepada :

### Ketua Pengarang Berita Sawit

Kuiz Sawit (Siri 31)  
Ibu Pejabat MPOB  
6, Persiaran Institusi,  
Bandar Baru Bangi,  
43000 Kajang, Selangor  
(UP: Noor Asmawati Abdul Samad)

### Soalan Kuiz Sawit Siri 31

1. Berapakah jangka hayat optima sebatang pokok sawit?  
 25 tahun  10 tahun  5 tahun
2. Apakah vitamin yang terdapat dalam minyak sawit?  
 Vitamin B  Vitamin C  Vitamin A dan E
3. Kursus ini mampu melahirkan pekerja mahir ladang sawit. Apakah nama kursus tersebut?  
 Kursus Operator Mekanisasi Ladang (KOML)  Kursus Ladang Sawit  Kursus Sawit
4. Namakan jenis burung yang menjaga pokok sawit dari diserang makhluk perosak?  
 Burung Nuri  Burung Tiong  Burung Hantu
5. Tandan kosong sawit (EFB) dan sisa buangan kilang sawit (POME) dapat menjana tenaga elektrik  
 Betul  Salah
6. Apakah nama portal yang mengurusniagakan biji dan anak benih sawit secara online?  
 e-sawit  e-niaga  e-Benih
7. Negara manakah yang menjadi pengimport utama minyak sawit?  
 Malaysia  Indonesia  Australia  China
8. Penggunaan bahanapi biodiesel mampu kurangkan pelepasan gas rumah hijau  
 Betul  Salah
9. SSKIDIC adalah singkatan bagi...  
 Skim Diskaun Cemerlang  Skim Diskaun Cantas  Skim Diskaun Cemas
10. Minyak sawit boleh menghasilkan santan  
 Betul  Salah

### Borang Penyertaan Siri 31

Nama : \_\_\_\_\_  
Tahap : \_\_\_\_\_  
Alamat Sekolah : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
Alamat Rumah : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
No. Tel : \_\_\_\_\_

### Nama pemenang Siri 30

1. **Ameera Natasha Mohd Sham**  
Sek Keb Sri Saujana, Kota Tinggi, Johor
2. **Aisyah Nabilah Roslee**  
Sek Keb Saujana Impian 2, Kajang, Selangor
3. **Aimal Abdullah**  
Sek Keb Kajang, Kajang, Selangor
4. **Kristina Shamsol Amri**  
Sek Keb Seri Mutiara, Ipoh, Perak
5. **Erdina Sofea Zairul Nizar**  
Sek Keb Taman Paroi Jaya, Seremban, Negeri Sembilan
6. **Muhd Amsyar Zafray Mat Lazim**  
Sek Keb Taman Tasik Jaya, Seremban, Negeri Sembilan
7. **Ali Izzidin Abu Sallehin**  
Sek Keb Agama Negeri Seksyen 19, Shah Alam, Selangor
8. **Dian Natasha Fandi**  
Sek Keb Bandar Tun Hussein Onn, Cheras, Kajang, Selangor
9. **Ahmad Hasifauramin Mohamad Khizar**  
Sek Keb Desa Jaya, Bandar Tun Razak, Jengka, Pahang
10. **Muhammad Yusuf Hushaini**  
Sek Keb Seri Duyong, Duyong, Melaka





**Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Dato Sri Douglas Uggah Embas mendengar penerangan** daripada Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May ketika melawat gerai pameran MPOB dan MPOC semasa POTS di Myanmar.



**Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Dato Sri Douglas Uggah Embas bersama Timbalannya, Dato' Noriah Kasnon dan KSU MPIC, Datin Paduka Nurmalia Abd Rahim (kanan)** semasa perhimpunan bulanan MPIC baru-baru ini.



**DATO' Noriah Kasnon mencuba menggunakan mesin penuai buah sawit bermotor** yang dipamerkan di gerai pameran MPOB sempena Program Hello Komoditi di Sungai Besar, Selangor.



**Pengarah Urusan SIRIM QAS International Sdn Bhd, Khalidah Mustafa dan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May bersalaman** selepas menyampaikan Sijil ISO 9001:2008 bagi sistem pengurusan kualiti aktiviti penyelidikan dan pembangunan, pelesenan, penguatkuasaan dan hebahan maklumat industri sawit MPOB. Turut kelihatan Datin Paduka Nurmalia Abd Rahim, Zulkifli Mohd Nazim dan Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan) MPOB, Ahmad Sidek Stroo (kiri).



**Datuk Dr Choo Yuen May menerima Anugerah Keterlibatan Industri (Keterlibatan Kecemerlangan Industri)** daripada Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Dr Noor Azlan Ghazali, sempena Anugerah Inovasi UKM, baru-baru ini.



**Ketua Setiausaha MPIC, Datin Paduka Nurmalia Abd Rahim dan Ahli Lembaga MPOB, Zulkifli Mohd Nazim menyaksikan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May dan Ketua Pegawai Eksekutif, Palmy Industries Sdn Bhd, Baharom Harun bertukar dokumen perjanjian persefahaman (MoU)** bagi pengkomersialan produk santan berasaskan sawit sempena Seminar Pemindahan Teknologi (TOT) MPOB 2013.